


Jilid II
Bil. 36



Hari Isnin
25hb Oktober, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 4029]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 4030]

**Cuti Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun—Kebenaran
[Ruangan 4031]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4031]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4060]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) [Ruangan 4061]

**Rang Undang-undang Penjenayah Fujitif (Ekstradisi Khas) [Ruangan
4071]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).**

„ **Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ **Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**

„ **Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**

„ **Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).**

„ **Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ **Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**

„ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).**

„ **Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**

„ **Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).**

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

Yang Berhormat TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.F. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 25hb Oktober, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA
MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujuan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuaratnya yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Kebankrapan (Pindaan) 1976;
2. Akta Peguambela (Pindaan) 1976;
3. Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 1976;
4. Akta Yayasan Tun Razak 1976;
5. Akta Perbekalan Tambahan (1974 dan 1976) 1976;
6. Akta Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1976;
7. Akta Pinjaman (Stok Penimbal Timah Antarabangsa) 1976;
8. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976;
9. Akta Rancangan Keluarga (Pindaan) 1976;
10. Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1976;
11. Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Perbadanan) 1976;
12. Akta Pampasan Pekerja (Pindaan) 1976;
13. Akta Kerja (Pindaan) 1976; dan
14. Akta Perubatan (Pindaan) 1976.

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima suatu keputusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat tempoh hari.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Peguambela (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak;
5. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974 dan 1976);
6. Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun);
7. Rang Undang-undang Pinjaman (Stok Penimbal Timah Antarabangsa);
8. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Rancangan Keluarga (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pindaan);

11. Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Perbadanan);
12. Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan); dan
14. Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan).

Tandatangan:
Yang di-Pertua Dewan Negara”.

CUTI Y.B. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 dalam Perlembagaan kepada Yang Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun selama setahun mulai daripada 6hb November, 1976.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PAMIRAN PERDAGANGAN MALAYSIA DI LONDON

1. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat manakah jayanya pertunjukan perdagangan yang diadakan di London itu baru-baru ini dan adakah benar bahawa suatu tempahan barang-barang Malaysia (tempatan) telah dibuat sebanyak 10 juta ringgit.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita memaklumkan bahawa Pamiran Perdagangan Malaysia yang diadakan di London dari 7hb hingga 9hb September, 1976 telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Sebanyak 33 syarikat pengeluaran Malaysia yang mengambil bahagian di dalam Pamiran Perdagangan tersebut telah menerima pesanan yang akan

dibekalkan dalam tahun 1976 dan 1977 sebanyak \$22,012,200. Barang-barang keluaran Malaysia yang telah menerima sambutan yang hangat dari pengimpot-pengimpot dan pembeli-pembeli yang mengunjungi Pamiran itu adalah seperti berikut:

- (a) Barang-barang elektronik seperti kalkulator dan jam-jam dijital;
- (b) Barang-barang yang diperbuat dari pe-
lastik;
- (c) Nenas dalam tin;
- (d) Batik;
- (e) Pakaian;
- (f) Barang-barang yang diperbuat dari kayu seperti kerusimeja, katil dsb;
- (g) Kasut yang diperbuat dari kulit dan getah;
- (h) Barang-barang makanan dalam tin seperti biskut dan buah-buahan yang ditin;
- (i) Permainan kanak-kanak;
- (j) Barang kemas;
- (k) Batu mar-mar, onyx dsb;
- (l) Barang-barang yang diperbuat dari pewter;
- (m) Bunga Orkid; dan
- (n) Tanker dan Trailer.

Saya suka juga memaklumkan bahawa pesanan-pesanan dan pertanyaan-pertanyaan perdagangan ataupun “trade enquiries” yang diterima bukan hanya untuk pembekalan ke United Kingdom sahaja, tetapi juga untuk pembekalan ke negara-negara lain seperti ke Amerika Syarikat, Canada, ke Eropah, ke negara-negara di Afrika dan juga ke Asia Barat.

PEMBELIAN KAPAL “SWEDISH SPICA-M FAST STRIKE CRAFTS”

2. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa pihak Kementerian bersetuju membeli empat buah kapal “Swedish SPICA-M Fast Strike Crafts” untuk \$166 juta walaupun:

- (a) kapal tersebut merupakan jenis prototype, masih belum diuji dan tidak terbukti;
- (b) sistem senjata yang ditawarkan iaitu sistem Philips buatan Swedish juga merupakan prototype kerana sistem

senjata yang ditawarkan itu tidak pernah di "interfaced" dengan peluru-peluru berpandu jenis Exocet yang ditentukan oleh pihak Tentera Laut Diraja Malaysia;

- (c) didapati oleh Jawatankuasa Penilaian Tentera Laut Diraja Malaysia bahawa kapal-kapal tersebut adalah kurang memuaskan dan munasabah daripada kapal-kapal Fast Strike Craft yang di "short-listed" yakni kapal Tenacity buatan British, kapal Cambattante buatan Perancis dan kapal Fast Strike Craft buatan syarikat usahasama tempatan dengan syarikat German yang telah mengakibatkan keputusan Jawatankuasa Penilaian itu diketepikan oleh sebuah Pasukan Petugas Khas; dan
- (d) harga kapal-kapal tersebut telah meningkat sebanyak \$60 juta dari \$106 juta kepada \$166 juta yang membawa harga kapal-kapal tersebut ke dalam lingkungan harga bersama dengan kapal-kapal Fast Strike Crafts yang telah diuji dan terbukti.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, sebelum menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat satu persatu, saya ingin menjawab soalan beliau secara keseluruhan, terutamanya dari soalan-soalan beliau nyata beliau sendiri keliru dengan maklumat-maklumatnya. Suatu pembelian besar seperti ini sudah tentu menimbulkan banyak minat di kalangan beberapa pihak yang tertentu yang mempunyai kepentingan sendiri, termasuk Ahli Yang Berhormat, selain daripada mereka yang mempunyai teguran-teguran yang membina. Ahli Yang Berhormat menekankan pentingnya peranan Jawatankuasa Penilaian Tentera Laut Diraja, tetapi sebaliknya beliau juga menyoal perkara-perkara yang telah ditimbang dan dipersetujui oleh Jawatankuasa tersebut seolah-olah beliau lebih pakar pula daripada Jawatankuasa Penilaian ini. Kepakaran Ahli Yang Berhormat seperti ini adalah dikagumkan. Beliau mendakwa Kementerian Pertahanan telah membiarkan apa yang beliau sebut sebagai "Pasukan Petugas Khas" mengenepikan Jawatankuasa Penilaian Tentera Laut Diraja Malaysia; tetapi sebenarnya beliau sendirilah orang yang mengenepikan pendapat Jawatankuasa Penilaian tersebut, kerana dibahagian (c) soalan Ahli Yang Ber-

hormat tersebut telah mengecam Kerajaan kerana kononnya tidak mengikut syor-syor Jawatankuasa Penilaian walhal di bahagian (a) dan (b) soalnya pula ia telah mengecam Kerajaan kerana menerima syor-syor Jawatankuasa tersebut.

Jawatankuasa Penilaian Tentera Laut Diraja Malaysia ini terdiri daripada 8 orang pegawai-pegawai kanan Tentera Laut Diraja Malaysia yang mahir dengan kepakaran masing-masing dan mewakili cawangan-cawangan yang bersangkutan dengan kapal ronda laju atau Fast Patrol Boats ini. Jawatankuasa ini dibentuk dengan tugas untuk "menilai dan mengesyorkan kesesuaian tiap-tiap penender dari segi professional atau dalam Inggerisnya "To evaluate and recommend the acceptability of each of the tender, from the professional point of view".

Jawatankuasa Penilaian ini telah menyiapkan suatu "Technical Report" yang lengkap berkenaan tiap-tiap tawaran yang tidak diketahui nama-nama penendernya. Technical Report ini mendapati 4 daripada tawaran-tawaran yang dikaji adalah sesuai termasuk kapal buatan Sweden jenis SPICA-M tetapi tidak ada di antara yang 4 ini yang menepati sepenuhnya keperluan Tentera Laut Diraja Malaysia atau TLDM Staff Requirement. Maklumat-maklumat tambahan yang tertentu dengan itu adalah masih diperlukan. Lapuran ini telah dimajukan kepada Ketua Turus Tentera Laut yang telah menyampaikan kepada Lembaga Tender berserta dengan teguran dan pandangan persendirian. Lembaga Tender di dalam persidangan yang pertama telah melantik satu Jawatankuasa Kerja bagi mengumpulkan maklumat-maklumat lanjut berkaitan dengan 4 tawaran yang didapati sesuai dari segi technical. Kesemua maklumat dan lapuran yang diperolehi dari proses ini telah digunakan oleh Lembaga Tender untuk membuat syornya.

Dengan penerangan ini jelaslah bahawa urusan pembelian kapal-kapal ronda laju SPICA-M ini telah dijalan mengikut peraturan-peraturan tender Kerajaan dan tidak mengikut apa-apa jalan yang serong.

Sekarang saya akan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat satu-persatu:

- (a) Kapal jenis SPICA-M Fast Strike Craft yang hendak dibeli oleh Kerajaan Malaysia itu tidaklah merupakan satu jenis kapal prototype sebagaimana yang

disangkakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu. Bahkan kapal jenis ini sedang digunakan oleh Tentera Laut Diraja Sweden.

- (b) Sistem senjata buatan Philips Teleindustrie yang akan dibekalkan kepada kapal tersebut juga bukannya satu sistem yang merupakan prototype, bahkan satu sistem yang terbukti dari segi penggunaan dan telahpun di "interface" dengan peluru berpandu jenis "Exocet".
- (c) Lapuran Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tentera Laut Diraja Malaysia itu telah berpendapat di antara lain bahawa keempat-empat tawaran yang telah di "short-listed" iaitu termasuk kapal SPICA-M adalah boleh dipertimbangkan untuk diterima dari segi teknikal tertakluk kepada keperluan-keperluan tertentu yang tidak dapat diputuskan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal. Satu Jawatankuasa Kerja yang ahlinya termasuk 2 anggota penting Jawatankuasa Penilaian Teknikal dengan itu telah ditubuhkan bagi mengumpulkan maklumat-maklumat lanjut berhubung dengan "keperluan-keperluan tertentu" seperti yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa Penilaian dan juga oleh Lembaga Tender sendiri. Tugas Jawatankuasa Kerja ini ialah semata-mata untuk mengumpulkan maklumat-maklumat lanjut yang diperlukan dan ia tidak bertugas untuk membuat apa-apa syor kepada Lembaga Tender. Maklumat yang dikumpulkan adalah diserahkan kepada Lembaga Tender bagi menolongsnya mencapai keputusan dan membuat syornya.

Ingin ditegaskan bahawa kedua-dua Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Kerja tidak membuat sebarang sokongan kepada mana-mana satu penender yang tertentu.

Dengan ini jelaslah bahawa tidak ada apa-apa "Pasukan Petugas Khas" yang telah ditubuhkan bagi mengenepikan seperti kata Ahli Yang Berhormat pendapat-pendapat Jawatankuasa Penilaian seperti yang didakwa tadi.

- (d) Harga yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu M\$106 juta itu ialah harga variable iaitu harga yang tertakluk kepada kenaikan harga dan harga ini adalah harga yang tidak ter-

masuk harga alat-alat yang lain seperti Missile Firing Installation, TV-TRACKER dan lain-lain kos.

Harga kontrak bagi pembelian 4 buah kapal yang dibeli ialah sebanyak M\$157 juta, dan harga ini ialah harga tetap dan termasuk harga Weapons Control System, Missile Firing Installation, SAAB SCANIA TV-TRACKER, Kos Latihan-latihan anggota TLDM dan ujian-ujian serta belanja tempat tinggal untuk anggota TLDM di Sweden dan lain-lain kos.

Harga kontrak bagi kapal-kapal SPICA-M ini adalah harga yang termurah sekali di antara empat Penender yang didapati sebagai boleh diterima dari segi teknikal, iaitu M\$27 juta lebih murah daripada calon yang kedua murahnya antara 4 yang dipilih itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun saya tidak mahir dalam lapangan ini, tetapi saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak lebih mahir daripada saya dalam lapangan ini. Sekiranya itulah pendiriannya, beliau tentu tidak layak memberi jawapan itu. Tetapi demi kepentingan rakyat saya hendak kemukakan soalan tambahan. Adakah benar bahawa selain daripada Commodore Md. Zain dan Kol. Jalaluddin lain-lain anggota-anggota dalam Jawatankuasa Penilaian Tentera Laut merasa SPICA-M ialah satu kapal yang tidak layak, yang tidak tepat untuk RMN dan daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Jawatankuasa Penilaian Tentera Laut telah memberi satu lapuran technical di mana Jawatankuasa tersebut meminta maklumat-maklumat mengenai keempat-empat kapal yang di "short-listed" dan perkara ini dikemukakan kepada Lembaga Tender dan satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat. Soalan saya ialah walaupun benar Jawatankuasa Penilaian Tentera Laut adalah satu pertubuhan yang layak untuk menilai (assess) kapal-kapal yang sesuai untuk dibeli oleh kerana ianya dianggotai oleh ketua-ketua dari berbagai bahagian dari RMN tetapi kenapa selepas soalan-soalan dikemukakan oleh Jawatankuasa Penilaian ini

Tuan Mehd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, adakah Ahli Yang Berhormat ini bertanya soalan ataupun beliau buat satu syarahan perbahasan sekarang?

Tuan Yang di-Pertua: Dia hendak soal sekarang, dia sudah mula dengan "kenapa".

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa maklumat-maklumat yang dikumpul oleh pihak yang berkenaan berkait dengan keempat-empat kapal ini tidak diserahkan balik kepada Jawatankuasa Penilaian itu oleh kerana Jawatankuasa Penilaian itu ialah satu badan yang berlayak dan dianggotai oleh setiap ketua-ketua bahagian, tetapi di serahkan kepada satu pasukan petugas di mana terdapat dua orang anggota daripada RMN yang menyokong pembelian kapal ini. Itulah soalan saya.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama iaitu tentang keputusan dan syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian samada selain daripada dua yang dinamakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah menyetujui dan berserta dalam keputusan Jawatankuasa Penilaian. Saya tidak tahu dari mana Ahli Yang Berhormat dapat maklumat mengatakan yang lain ini tidak mengetahui ataupun boleh menimbulkan kecurigaan yang sekarang ini ujud, di mana tugas dan pelaksanaan Jawatankuasa Penilaian TLDM ini sekarang ini oleh sebab ada selain daripada Ahli Yang Berhormat telah diragukan masakan lapuran itu adalah satu lapuran yang bertulis dan ditandatangani oleh kelapan-lapan orang Ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal TLDM. Jadi, jikalau ada Ahli Yang Berhormat tahu yang mungkin tak ada, harap dapat kemukakan manakah lapuran yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu dan kita akan dapat membuat kajian.

Yang kedua tentang maklumat-maklumat, seperti yang saya jawab tadi bahawa Jawatankuasa Penilaian TLDM telah membuat kajian dan membuat teguran terhadap tiap-tiap penender-penender dan daripada teguran-teguran itu ada perkara-perkara specific yang tertentu di mana maklumat-maklumat tambahan dengan secara lebih detail adalah diperlukan dan perkara ini telah diserahkan kepada Lembaga Tawaran yang bertanggungjawab untuk membuat keputusan apabila maklumat-maklumat tambahan yang diperlukan itu telah disampaikan. Jadi setelah mendapat maklumat-maklumat tambahan Jawatankuasa Kerja yang telah mengumpulkan maklumat-maklumat itu telah meneliti maklumat-maklumat tambahan ini tadi samada ini adakah seperti yang dikehendaki

ataupun tidak oleh Jawatankuasa Penilaian tadi. Jadi daripada segi kerja Jawatankuasa Kerja Lembaga Tawaran ini hanya untuk membandingkan setakat manakah memenuhi, setakat manakah kekurangan maklumat-maklumat yang diperlukan itu dan mengemukakan ini kepada Lembaga Tender Kementerian.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri yang berkenaan telah menyatakan beberapa kali kapal SPICA-M Fast Strike Crafts TLDM bukan jenis prototype. Bolehkah beliau menyebutkan beberapa tentera laut di negara lain yang menggunakan kapal ini?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, soalan prototype ini telahpun digunakan kapal jenis yang sama tetapi dipanggil dengan lain nama oleh negara-negara yang mengeluarkan kapal ini sendiri. Tentang negara-negara lain yang menggunakan kapal jenis yang serupa, ini oleh sebab dalam kontrek ada persetujuan bahawa perkara ini tidak boleh diberitahu, jadi kita tak dapat mengetahui mana-manakah negara yang lain yang menggunakan kapal jenis yang sama.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah benar kapal SPICA yang digunakan oleh Sweden, negara yang membina kapal itu bukan dilengkapi dengan senjata missile Exocet atau apa-apa jenis missilepun?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya kagum menerima soalan apakah jenis alat senjata yang digunakan oleh Tentera Laut Sweden seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, kita difahamkan kapal jenis yang serupa telahpun dilengkapi dengan jenis missile sistem yang lebih baik lagi daripada apa yang akan kita gunakan di sini.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah jenis missile itu yang lebih baik daripada jenis yang digunakan?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, bukan tanggungjawab saya untuk memberitahu apakah kegunaan senjata-senjata oleh negara yang lain.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Timbalan Menteri di dalam jawapan kepada pertanyaan saya, katanya apa yang saya hendak tahu ialah dirahsiakan keterangan itu. Adakah Jawatankuasa Penilaian atau Mindef atau RMN siasat perkara ini dan adakah Jawatankuasa Penilaian ini baca "the latest edition of Jane's Fighting Ship" sebelum kita beli kapal ini.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, segala keputusan telah dibuat dengan adanya siasatan dan maklumat-maklumat yang diperlukan telahpun disampaikan kepada pihak TLDM dan Kementerian dan atas perkara dan maklumat-maklumat inilah, maka keputusan ini telah dibuat.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa beliau telah memberi satu gambaran yang tidak betul kepada Dewan ini? Sebenarnya Jawatankuasa Penilaian ini memerlukan maklumat-maklumat lanjut sebelum ia dapat boleh menilai dengan tepat kapal-kapal empat buah ini yang ditawarkan. Soalan saya ialah kenapa maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Jawatankuasa Penilaian tidak diserahkan balik kepada Jawatankuasa itu untuk membolehkan Jawatankuasa tersebut menilai kebaikan atau keburukkan keempat-empat kapal yang di "short-listed" dan kenapa kapal-kapal itu dibeli atau surat indent dikeluarkan sebelum kebenaran diberi oleh Parlimen ini. Itu ialah satu usurpation of powers, melebihi kuasa Parlimen ini.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab begitu banyak sekali yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat tadi, saya minta Yang Berhormat ulang semula soalnya.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah benar dalam jawapan-jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan Jawatankuasa Penilaian memerlukan lebih maklumat-maklumat untuk membolehkan Jawatankuasa itu membuat satu penilaian yang muktamad, tetapi kenapa maklumat-maklumat ini apabila didapati tidak diserahkan kepada Jawatankuasa Penilaian supaya membolehkan Jawatankuasa ini menilai baik-buruknya kapal-kapal yang ditawarkan oleh empat penender ini, oleh kerana Jawatankuasa ini layak dan bertugas untuk membuat penilaian itu tetapi kenapa-kah sebuah pasukan petugas ditubuhkan.

Kedua, kenapa pembelian-pembelian ini dibuat dalam akhir bulan Jun atau awal bulan Julai? Mengapakah surat indent dikeluarkan yang telah mengikat Kerajaan membeli kapal-kapal ini sebelum Mindef atau Kerajaan datang ke Dewan ini untuk meminta supaya peruntukan bagi pembelian kapal-kapal itu diluluskan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, seperti yang saya katakan tadi ini adalah satu tuduhan yang tidak benar mengatakan bahawa maklumat tambahan itu sepatutnya dirujukkan balik kepada Jawatankuasa Penilaian. Seperti yang saya sebutkan tadi dan saya ulang sekali lagi, Jawatankuasa Penilaian adalah untuk mengkaji semua maklumat-maklumat yang didapati daripada tender yang telah dibuka dan ditutup. Daripada kajian yang dibuat, Jawatankuasa Penilaian telah mengesyorkan supaya 4 buah daripada jumlah ke semua yang telah menender adalah diterima. Tetapi memerlukan maklumat-maklumat tambahan, jadi yang keempat yang dipertimbangkan itu termasuk SPICA-M ini adalah kapal-kapal yang telah dipersetujui. Mungkin apabila dikaji lebih baik yang manakah di antara yang empat setelah dapat maklumat tambahan, ini akan menentukan yang mana daripada empat ini.

- (a) Tidaklah perlu dalam keadaan demikian oleh sebab Jawatankuasa Penilaian Teknikal ini telahpun menentukan jika-lau peralatannya tidak baik ataupun tidak lengkap ataupun jenisnya tidak tentu maklumat-maklumat yang tertentu telah diminta oleh Jawatankuasa Penilaian ini dan apabila maklumat ini telahpun dikembalikan kepada pihak Kementerian, Jawatankuasa Kerja ini hanya membandingkan samada maklumat (a) yang dikehendaki itu diberikan ataupun tidak. Kalau tidak, apakah akibatnya ini. Ini ditimbang oleh Lembaga Tender di mana turut hadir juga adalah Ketua Turus Tentera Laut. Jadi kuasa untuk menentukan yang manakah di antara empat yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Penilaian ini adalah kuasa yang diserahkan kepada Lembaga Tender Kementerian.
- (b) Tentang pembelian. Peruntukan untuk pembelian kapal ini adalah termasuk di dalam Anggaran Perbelanjaan

Sementara Kementerian ini dan ini adalah merupakan salah satu daripada Anggaran Pembelian di mana seperti Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum bahawa tidak dinyatakan apakah jenis peralatan yang diperlukan oleh Kementerian Pertahanan di dalam pembentangan Belanjawan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata tadi soalan yang akhir. Ini yang kedua pula.

Yang Berhormat, soalan yang ketiga sekarang.

PETRONAS—PENGUASAAN PEMBELIAN SAHAM SYARIKAT

3. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) syarikat-syarikat minyak yang telah bersetuju membenarkan PETRONAS mengadakan penguasaan majority melalui pembelian saham-saham biasa syarikat-syarikat tersebut dengan menyatakan peratus penguasaan equity (equity control) dan bayaran yang PETRONAS terpaksa buat di dalam setiap kes untuk penguasaan aktiviti-aktiviti "downstream"; dan

(b) syarikat-syarikat minyak yang mempunyai hak carigali di Malaysia yang telah bersetuju mengadakan perjanjian perkongsian pengeluaran dengan PETRONAS dan sebab-sebab yang mengakibatkan kegagalan dalam mencapai kemajuan yang bererti sejak diperbuat Akta Kemajuan Petroleum, 1974.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sebuah syarikat minyak telah bersetuju, pada dasarnya, hendak membenarkan PETRONAS mengambil penguasaan majority melalui pembelian saham-saham biasa syarikat tersebut. Penguasaan majority yang dicadangkan itu ialah 51% daripada equity syarikat itu. Pada masa ini, PETRONAS dan syarikat tersebut masih lagi berunding tentang pembayaran untuk mendapat penyesuaian aktiviti-aktiviti down-

stream syarikat tersebut. Aktiviti-aktiviti yang tersebut ialah refinery, pembekalan dan pengedaran bahan-bahan dan keluaran-keluaran petroleum (supply and distribution of petroleum and petroleum products).

(b) Setakat ini, 4 buah syarikat minyak yang dahulunya mempunyai hak men-carigali di Malaysia, sedang berunding dengan PETRONAS mengenai perjanjian perkongsian pengeluaran. PETRONAS telah mengemukakan deraf perjanjian tersebut untuk timbangan syarikat-syarikat itu. Deraf ini mengandungi beberapa cadangan, termasuk cadangan perbelanjaan pengeluaran (production cost) dan yang lebih penting lagi ialah cadangan ratusan pembahagian keuntungan (percentage of profit sharing). Oleh kerana persetujuan muktamad belum lagi dicapai mengenai perkara-perkara yang penting ini, maka persetujuan seluruhnya mengenai perjanjian tersebut belum dapat dicapai lagi. Sebab-sebab inilah yang mengakibatkan kegagalan mencapai kemajuan yang bererti sejak Akta Kemajuan Petroleum, 1974 berjalan kuatkuasanya. Walau bagaimanapun, rundingan masih berjalan dengan lancarnya dengan tujuan mencapai persetujuan sebelum atau pada 15hb November, 1976 sebagaimana yang telah ditetapkan oleh saya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa sebuah syarikat telah bersetuju, bolehkah Yang Amat Berhormat beritahu Dewan ini keadaan mengenai lain-lain syarikat oleh kerana kita tahu di negara kita cuma ada sebuah syarikat minyak sahaja dan kepada soalan (b), adakah benar bahawa Syarikat Exxon yang mempunyai hak carigali di Malaysia telah meminda file-filenya yang sangat sulit, sangat penting ini yang mengandungi butir-butir mengenai keadaan atau reserve minyak di negara ini kepada negeri lain dan oleh kerana itu satu perkara yang sangat penting kepada kepentingan negara ini, apakah tindakan Kerajaan akan mengambil untuk melindungi hak-hak minyak kita apabila berlaku perundingan-perundingan di antara PETRONAS dan syarikat-syarikat yang mempunyai hak carigali.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, semua perkara ini ada dalam pandangan dan perhitungan PETRONAS dan saya tidaklah dapat memberi jawapan yang panjang oleh kerana ini adalah terkeluar daripada soalan yang asal.

KEGIATAN KOMINIS—TUDUHAN SAMAD ISMAIL

4. Tuan Hashim bin Gazali (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada benar atau tidak tuduhan Samad Ismail bahawa ada di antara mereka yang berjawatan tinggi telah terlibat di dalam kegiatan kominis; jika benar, apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memerhati dan mengawasi gerak geri kominis yang mengancam keselamatan negara baik di luar negeri atau di dalam negeri, baik dalam hutan mahu pun di bandar, dan usaha-usaha kominis yang diawasi ini termasuklah percubaan untuk meresapi Kerajaan, parti-parti politik, kesatuan-kesatuan sekerja dan apa juga badan berpengaruh yang lain. Oleh yang demikian, apa juga siasatan yang dibuat bukanlah disebabkan oleh tuduhan dari mana-mana pihak tetapi puncanya daripada pengetahuan pihak perisik sendiri. Di dalam tindakan ini Kerajaan sekali-sekali tidak mahu dan tidak akan bertugas dengan tergopoh-gopoh yang mungkin boleh membawa kepada kezaliman. Tetapi Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap siapa juga yang terlibat di dalam kegiatan-kegiatan kominis tanpa mengira kedudukan dan pangkat seseorang itu mengikut undang-undang negara.

Berkenaan dengan dakwaan yang dibuat oleh Samad Ismail, perkara ini adalah di dalam siasatan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengeluarkan satu kenyataan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menerima dengan penuhnya pengakuan Samad Ismail melalui TV dan Radio Malaysia itu dan sebelum pengakuannya disiarkan melalui TV dan Radio Malaysia?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya harap Yang Berhormat tadi mendengar jawapan saya dengan terang bahawa perkara itu sudah meliputi dalam jawapan saya tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya barangkali tidak faham jawapan Yang Berhormat Menteri, tetapi saya ingin membuat soalan tambahan lagi. Adakah benar bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa sebelum satu pengakuan dibuat melalui Radio dan TV Malaysia, pengakuan itu atau kenyataan itu diteliti, ditapis dan diterima dan kesimpulan itu ialah apa yang telah diakui ialah apa yang diterima oleh pihak Kerajaan dan sekiranya ini diterima, kenapa berkehendakkan satu lagi siasatan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi bahawa apa jua dakwaan yang dibuat oleh sesiapa walau Samad Ismail atau siapa, itu dakwaan dia. Siasatan mesti dijalankan oleh Kerajaan.

Tuan Mohamed Sophe bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau benar sebagaimana yang diakui oleh Samad Ismail bahawa dia seorang kominis, adakah Yang Berhormat Menteri sedar juga kemungkinan seorang kominis menggunakan kesempatan untuk memecah-belahkan ataupun mendatangkan nama buruk kepada pihak Kerajaan dan parti. Adakah Yang Berhormat Menteri akan berjaga-jaga supaya kita tidak terperangkap oleh satu helah musuh kita yang telah mendapat peluang keemasan untuk mendatangkan tuduhan-tuduhan yang barangkali merosakkan kita.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi berkenaan dengan dakwaan yang dibuat oleh Samad Ismail itu, perkara itu adalah di dalam siasatan dan satu kenyataan akan dibuat.

CUEPACS MENGENAI LAPURAN IBRAHIM ALI

5. Tuan Lukman bin Abdul Kadir (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan setakat hari ini, apakah persetujuan yang telah dicapai di antara Kerajaan dan Cuepacs mengenai tuntutan mereka.

Timbalan Perdana Menteri (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Cuepacs telah bersetuju tidak mengadakan mogok seperti yang dirancang oleh mereka bermula pada 19hb Oktober, 1976. Dan sebaliknya, memeriksa angka-angka peruntukan yang terlibat yang telah dikemukakan oleh Kerajaan untuk menentukan samada angka-angka itu tepat atau tidak. Selapas itu mereka akan berjumpa dengan Jawatankuasa Kabinet yang bertanggungjawab terhadap pemeriksaan Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali dan akhirnya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Semua butir-butir ini adalah terkandung dalam Kenyataan Bersama yang dibuat oleh Cuepacs dan Kerajaan selepas perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Khamis 7hb Oktober, 1976. Tidak ada lain-lain perkara yang diperseujui selain daripada apa yang terkandung dalam Kenyataan Bersama itu.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar Kerajaan kata tuntutan daripada Cuepacs ada tambahan perbelanjaan sebanyak \$500 juta, Tan Sri Ibrahim Ali dan Cuepacs mengatakan itu tidak begitu banyak iaitu \$375 juta. Oleh sebab ada perbezaan antara angka yang dinyatakan oleh pihak Kerajaan dan pihak Tan Sri Ibrahim Ali dengan Cuepacs, bolehkah Kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Kos Akauntan yang bebas untuk mengkaji dan menyiasat ketiga-tiga angka ini supaya kita boleh dapat persetujuan terhadap tuntutan daripada Cuepacs.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berpendapat bahawa satu Jawatankuasa Kos Akauntan yang bebas perlu diadakan kerana butir-butir ini adalah jelas dan boleh diperiksa sebenarnya oleh Cuepacs sendiri dan mereka boleh menentukan samada benar atau tidak angka-angka yang telah disebutkan oleh Kerajaan yang terdapat berlainan daripada angka-angka yang disebut oleh Cuepacs dan juga Tan Sri Ibrahim Ali.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar tentang seruan yang dibuat oleh Setiausaha Agong Cuepacs iaitu Encik Jamaludin Isa dan lain-lain pemimpin Cuepacs kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya beliau menahan

pemimpin-pemimpin UMNO dari mengeluarkan kecaman-kecaman mereka terhadap pemimpin-pemimpin Cuepacs dan tuntutan-tuntutan Cuepacs, oleh kerana itu akan menjejaskan perundingan yang sedang dijalankan di antara Kerajaan dan Cuepacs. Dan apakah tindakan yang akan diambil untuk menentukan supaya perundingan ini tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua: Ini saya rasa terkeluar daripada soalan asal Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah mengenai keadaan perundingan yang diadakan di antara beliau dengan M.T.U.C. dan Cuepacs.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan M.T.U.C. M.T.U.C. ialah soalan yang kedua ini.

Tuan Lim Kit Siang: Maksud saya ialah setakat hari ini apakah persetujuan yang telah dicapai yang akan menjejaskan persetujuan ini ada berlainan. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah menjawab tadi, berkenaan soalan ini adalah luar daripada soal asal.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Belum habis lagi soalan tambahan? (*Ketawa*) Boleh, satu sahaja iaitu yang akhir sekali.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan Kerajaan tidak perlu menubuhkan satu Jawatankuasa Kos Akauntan untuk menyiasat tuntutan ini. Tetapi beliau sendiri akui ada tiga tuntutan yang berlainan, satu daripada Kerajaan (Kabinet), satu daripada Cuepacs dan satu daripada Tan Sri Ibrahim Ali. Beliau di dalam jawapannya mengatakan kos ini tidak rahsia dan boleh disiasat oleh sesiapa daripada Cuepacs. Sekiranya selepas perundingan dan selepas siasatan ketiga-tiga pihak ini tidak mendapat persetujuan terhadap angka-angka, bukannya lebih baik Kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Kos Akauntan untuk mengkaji dan menyiasat perkara ini supaya kita boleh dapat persetujuan lebih cepat lagi.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak apa sebabnya yang pihak yang berkenaan tidak dapat menentukan samada angka-angka yang dikemukakan oleh Kerajaan itu benar atau tidak. Kalau kita menjemput orang lain juga untuk memeriksa maka angka-angka yang akan diperiksa oleh mereka juga disediakan oleh Kerajaan. Jadi apa berlainannya kalau pihak Cuepacs yang memeriksa dan pihak Jawatankuasa Bebas ini memeriksa, tidak ada tegahan bagi Cuepacs untuk mendapat nasihat daripada mana-mana pihak jika mereka berasa khuatir tentang angka-angka yang tersedia dan yang dipamirkan untuk peperiksaan oleh pihak mereka.

PERUNDINGAN PERDANA MENTERI/MTUC

6. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menjelaskan tentang perundingan yang diadakan antara beliau dengan pihak M.T.U.C. Adakah beliau sedar bahawa pindaan-pindaan yang diminta oleh M.T.U.C. sangat perlu dan jika ya apakah tindakan Kerajaan akan ambil untuk memenuhi hasrat dan kemahuan kaum buruh di tanah air kita.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perundingan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan M.T.U.C. telah diadakan pada 4hb Oktober, 1976. Hasil dari perjumpaan tersebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju menimbangkan cadangan pindaan kepada Undang-undang Buruh yang dikemukakan oleh M.T.U.C.

Perbincangan-perbincangan sedang berjalan sekarang di antara Kementerian saya dan pihak M.T.U.C. mengenai 183 cadangan-cadangan pindaan kepada Undang-undang Buruh iaitu Ordinan Kerja, 1955, Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 dan Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959. Kebanyakan cadangan pindaan yang dikemukakan itu bukanlah merupakan perkara baru kepada pihak Kerajaan dan ada di antara cadangan pindaan tersebut yang berkaitan dengan Ordinan Kerja, 1955 telahpun diluluskan oleh Parlimen dalam persidangan bulan Julai yang lepas. Walau bagaimanapun, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedang mengkaji

semula semua cadangan yang dikemukakan dan jika difikirkan perlu dari segi kepentingan negara, Kementerian ini bersedia membuat pindaan.

Perlu juga ditegaskan di samping menjaga kepentingan kaum pekerja, Kerajaan juga adalah bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan negara termasuk kepentingan majikan, pelabur-pelabur serta juga rakyat seluruhnya. Oleh yang demikian, Kementerian saya akan juga berunding dengan pihak majikan yang sejajar dengan semangat "tripartite" yang diamalkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Jentera Perundingan ini yang diberi nama Majlis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan telah wujud lama di Kementerian saya dan sebarang perkara-perkara yang berkaitan dengan perundingan dan dasar buruh negara ini adalah dikaji oleh Majlis tersebut. Majlis ini terdiri dari wakil pihak pekerja, majikan dan Kerajaan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Menteri berkenaan sedar oleh kerana ada lebih seratus cadangan dikemukakan daripada pihak M.T.U.C. ini bermakna M.T.U.C. tidak berpuas hati bukan sahaja sekarang tetapi barangkali hampir sejak 20 tahun lalu tentang kebanyakan undang-undang terhadap kaum buruh di tanahair kita. Oleh itu dengan sebab Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sendiri menyatakan perkara ini terlampau penting bukan sahaja terhadap kaum buruh, tetapi melibatkan kaum majikan dan juga negara kita, bolehkah Kerajaan menubuhkan suatu Suruhanjaya Di Raja atau Jawatankuasa Khas untuk mengkaji semua aspek undang-undang terhadap kaum buruh di tanahair kita.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab dalam jawapan saya iaitu perkara-perkara yang dibawa oleh M.T.U.C. adalah bukan perkara yang baru dan juga jentera yang ada sekarang iaitu Majlis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan adalah memuaskan. Saya fikir tidaklah perlu diadakan suatu Suruhanjaya.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Menteri berkenaan menyatakan ada jentera atau Jawatankuasa, tetapi beliau menyatakan ada jentera untuk perhubungan dan perbincangan antara tiga pihak iaitu Kerajaan, majikan dan kaum buruh. Oleh sebab Jawatankuasa itu, telah gagal untuk menjalankan tugasnya . . .

Tuan Yang di-Pertua: Siapa kata gagal.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah kerana Jawatankuasa itu gagal maka pihak M.T.U.C. tidak berpuas hati dan telah membawa lebih seratus cadangan untuk meminda semula undang-undang kaum buruh di tanahair kita.

Datuk Lee San Choon: Saya pun telah menjawab soalan itu, iaitu Kementerian saya atau Kerajaan sentiasa berpegang teguh akan semangat tripartite di mana semua pihak yang berkenaan diwakili.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana di antara 183 pindaan yang dikemukakan oleh M.T.U.C. termasuk fasal-fasal dalam Ordinan Kerja yang mana Dewan ini baru sahaja telah meluluskan pindaan-pindaan dalam bulan Julai, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa di masa depan sebelum beliau kemukakan apa jua pindaan mengenai Akta-akta Buruh hendaklah diadakan perundingan yang terlebih dahulu menyeleruh dengan pihak M.T.U.C. dan kesatuan-kesatuan kerja supaya jangan selalu membawa ke Dewan ini pindaan-pindaan mengenai satu akta yang sama.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak perlu ada jaminan seperti itu kerana semua cadangan yang dibuat dan pindaan yang dibuat telah dirunding dengan pihak berkenaan seluas-luasnya.

PINDAAN PERLEMBAGAAN— KEBIMBANGAN PEMIMPIN UGAMA

7. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Perdana Menteri samada beliau sedar bahawa pindaan Perlembagaan Persekutuan mengenai Perkara 8 Fasal 2 telah mengakibatkan perasaan kekhuatiran dan kebimbangan di kalangan orang-orang yang beragama Buddha, Hindu, Sikh, Kristian dan lain-lain. Adakah beliau bercadang untuk mengadakan perundingan dengan pemimpin-pemimpin agama ini supaya beliau boleh membuat penjelasan tentang pindaan tersebut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Parlimen ini dalam persidangan yang lalu tidak meminda Fasal 2 Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Mungkin apa

yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah pindaan yang dibuat terhadap Fasal 2 Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan. Mengenai pindaan ini saya belum lagi menerima apa-apa rayuan atau maklumat mengenai kebimbangan di kalangan orang-orang yang beragama Buddha, Hindu, Sikh, Kristian dan lain-lain terhadap pindaan tersebut. Pindaan ini menguntukkan bahawa tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak menubuh dan menyelenggarakan institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri. Dengan demikian, Perlembagaan memelihara hak mana-mana kumpulan agama sekiranya mereka bertujuan menubuh sebuah sekolah atau institusi untuk pelajaran ugamanya sendiri. Sekiranya sebuah kumpulan agama itu berhasrat untuk mengadakan sekolah atau institusi untuk matapelajaran selain daripada matapelajaran ugamanya sendiri, maka institusi itu perlu mendapat kebenaran di bawah Akta Pelajaran 1961. Adalah jelas daripada peruntukan itu bahawa mana-mana kumpulan agama boleh mengadakan sekolah atau institusi untuk pelajaran agama mereka tanpa halangan dan syarat di bawah Akta Pelajaran. Jika mana-mana kumpulan masih khuatir saya sanggup menemui mereka untuk penjelasan yang lebih lanjut.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atau Kerajaan belum menerima rayuan daripada kumpulan-kumpulan agama tentang pindaan yang disebutkan dalam pertanyaan saya. Saya hendak beritahu

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beritahu atau bertanya? Kalau hendak beritahu, di sini bukan tempatnya. Kalau hendak bertanya, boleh!

Dr Tan Chee Khoon: Sebelum saya bertanya, saya hendak buat sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak adakan pendahuluan dahulukah? Buat pertanyaan secara ringkas sudahlah!

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak beritahu beliau bahawa saya telah ditanya oleh beberapa golongan agama yang menyatakan mereka khuatir tentang pindaan tersebut. Tadi Menteri berkenaan berkata bahawa beliau akan menerangkan pindaan tersebut

kalau ada rayuan untuk berjumpa dengan beliau tentang pindaan tersebut. Adakah beliau sedar bahawa di beberapa sekolah ajaran agama Kristian telah diberhentikan dan adakah pemberhentian ajaran agama Kristian itu oleh kerana dasar Kerajaan atau dibuat sengaja oleh pihak guru besar sekolah masing-masing.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham kenapa mereka yang tidak puas hati itu berjumpa dengan Ahli Yang Berhormat kerana dia bukan Menteri yang bertanggungjawab, sedangkan saya bersedia untuk berjumpa dengan sesiapa juga berkenaan dengan penjelasan ataupun apa-apa masalah yang ada kaitan dengan pelajaran. Jika masih khuatir, seperti saya memberi jaminan tadi, saya sanggup berjumpa dengan mereka.

Berkenaan dengan masalah yang disebutkan iaitu ada sekolah-sekolah Kristian yang mana ugamanya tidak dibenarkan diajar, ini juga tidak sampai kepada pengetahuan saya. Kalau ada perkara ini berlaku saya juga menawarkan untuk berjumpa ataupun menimbangkang laporan berkenaan dengan perkara ini, dan jika benar, ini tentulah bertentangan dengan Perlembagaan kita dan juga dengan tujuan mengadakan sekolah-sekolah dalam negara kita ini.

FILEM SEX

8. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa filem-filem untuk ditayangkan yang berunsur sex atau yang mendatangkan persoalan telah diharamkan, itu cuma gambar sahaja, sedangkan pertunjukkan-pertunjukkan atau tarian bogel di kelab-kelab malam yang menjolok mata atau menghairahkan tidak pula diharamkan, oleh itu sila terangkan garis-garis:

- (a) filem-filem sex atau yang mendatangkan persoalan itu yang diharamkan oleh Kerajaan; dan
- (b) tarian-tarian bogel yang menjolok mata di kelab-kelab malam itu atau di pentas yang tidak boleh diharamkan dan adakah tarian-tarian seperti ini akan mendatangkan persoalan juga, kiranya ada, mengapa tidak diambil tindakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Lembaga Penapis Filem Malaysia telah diberi tanggungjawab menapis filem-filem yang dibawa masuk ke dalam negara dan akan membuat keputusan tentang kesesuaiannya untuk tayangan umum. Perhatian utama diberi terhadap filem-filem yang berunsur sex atau penjenayahan. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Lembaga adalah berpedomanan garis-garis panduan Penapis Filem yang dikeluarkan oleh Kementerian.

Mengenai filem-filem sex di antara bahan-bahan yang ditapis ialah:

- (1) Filem-filem yang mempunyai adigan sex yang keterlaluan dan tidak sihat dan yang mengandungi pertunjukan-pertunjukan seperti lesbianism, homosexuality, fetishism, sadism, sodomy, fellatio, cunnilingus dan hyphommatia.
- (2) Kisah percintaan dan kasih-sayang yang ditunjukkan dengan mempunyai adigan yang kurang sihat dan dengan cara keterlaluan, bermutu rendah dan semata-mata menumpukan kepada thema "asmara" dan "cinta" tanpa mengandungi pengajaran yang baik.

(b) Semua lesen pertunjukan "floor show" dikeluarkan oleh Pegawai-pegawai pelesen yang dilantik di bawah Enakmen Panggung-panggung Wayang dan Tempat-tempat Hiburan Negeri-negeri. Tiap-tiap permohonan kerana pertunjukan ini adalah diedarkan kepada pihak polis untuk mendapatkan pandangan dan syarat-syarat yang patut dikenakan ke atas lesen jika permohonan itu diluluskan.

Syarat-syarat yang dikenakan bolehlah dikatakan ketat kerana mengandungi tegahan-tegahan yang melarang penari-penari daripada berbogel terus atau mendedahkan bahagian-bahagian aurat yang tertentu. Wang peraturhan mengikut jumlah yang difikirkan patut adalah juga dikehendaki dibayar oleh pemohon kepada Pegawai Pelesen.

Sebelum sebarang permohonan diluluskan Pegawai Pelesen dan Ketua Polis Daerah atau wakil-wakil mereka akan menghadiri satu "preview" untuk menentukan samada pertunjukan itu boleh ditimbang atau tidak. Selepas lesen dikeluarkan pemeriksaan mengejut dari masa ke masa ada dibuat oleh pihak polis dan wakil Pegawai Pelesen. Sekiranya sebarang syarat yang dikenakan ke

atas lesen yang berkenaan itu dilanggar, lesen itu boleh ditarik balik dan wang pertaruhan boleh dirampas.

JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELABURAN

9. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kemajuan besar yang diperolehi sejak pembentukan Jawatankuasa Peringkat Menteri ke dalam Pelaburan untuk menggalakkan pelaburan di Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan Pihak Swasta baru sahaja ditubuhkan dan adalah terlalu awal untuk melihat kemajuannya untuk menggalakkan pelaburan di Malaysia.

Sebagai langkah permulaan, Jawatankuasa telahpun mengadakan beberapa mesyuarat membincangkan tugas-tugas dan kegiatan-kegiatan beberapa Jawatankuasa yang sedia ada berkaitan dengan pelaburan untuk memperbaiki lagi jentera menggalakkan pelaburan. Jawatankuasa itu juga sedang mengkaji perundangan-perundangan yang sedia ada berkaitan dengan pelaburan dengan tujuan untuk memperbaiki dan memperkemaskan lagi bagi menggalak dan meningkatkan keadaan pelaburan yang ada.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar samada Jawatankuasa Peringkat Menteri ada menerima dan menimbang pandangan-pandangan dan syor-syor daripada pihak swasta di dalam perbincangannya mengenai cara-cara menggalakkan pelaburan di dalam Malaysia?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Beberapa pandangan telahpun disampaikan kepada Jawatankuasa.

KEMPEN JIMAT CERMAT

10. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang diijamatkan semasa "kempen jimat-cermat" yang dimulakan oleh Allahyarham Tun Razak dalam awal tahun 1976 dan nyatakan:

- (a) jumlah wang yang diijamatkan daripada potongan 5% dari gaji Menteri-menteri

Kabinet, Timbalan Menteri-menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen;

- (b) samada potongan 5% dari Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen masih dikuatkuasakan dan jika tidak bilakah penguatkuasaan itu dilonggarkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, adalah agak sukar bagi Perbendaharaan setakat ini untuk menentukan jumlah wang sebenar yang dapat diijamatkan akibat kempen jimat cermat itu kerana segala keperluan Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan lain-lain agensi Kerajaan bagi Belanjawan Tahun 1976 sedang beransur-ansur dipenuhi selepas pembekuan jawatan-jawatan itu ditarik balik pada bulan April tahun ini.

- (a) Jumlah yang diijimat hasil daripada potongan 5% itu bagi tahun 1975 ialah \$18,132.50, dan bagi tahun 1976 sehingga ke akhir bulan Julai ialah \$56,787.57.
- (b) Potongan 5% itu telah ditarik balik mulai pada 1hb Ogos, 1976.

HUKUMAN MATI BAGI MEMILIKI SENJATAPI

11. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Undang-undang menytakan, sejak Akta yang mengenakan hukuman mati kepada orang yang memiliki senjata api secara haram telah diluluskan, berapa orang telah diberi hukuman seperti itu.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Akta Senjata api (Penalti Lebih Berat) 1971 yang telahpun dipinda tidak memberi hukuman mati kepada orang yang memiliki senjata api secara haram. Hukuman kerana memilikinya sahaja dengan secara haram adalah boleh dihukum penjara sehingga atau tidak lebih 14 tahun dan disebat tidak kurang daripada enam kali. Seseorang yang memiliki senjata api secara haram yang pada masa melakukan atau cuba melakukan sesuatu kesalahan yang ada di dalam Jadual Akta itu yang melepaskan tembakan dari senjata api dengan niat membunuh atau mencedera kepada seseorang bolehlah dihukum gantung hingga mati walaupun tiada apa-apa kecederaan yang berlaku ke atas orang yang ditujukan tembakan itu. Di bawah seksyen

ini seorang pensalah telah didapati bersalah yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi, Seremban pada 1hb November, 1974 dan telahpun saya terangkan di sini telah di-gantung.

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh soal jawab tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 12 hingga 16 adalah diberi di bawah ini.)

MAKANAN "DITANGGUNG HALAL"

12. Tuan Ariffin bin Haji Daud minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan samada beliau sedar bahawa banyak kedai-kedai yang menjual barang-barang makanan dengan tanda "Ditanggung Halal" samada di kedai ataupun di barang-barang itu sendiri. Jika sedar apakah tindakan yang diambil untuk menentukan yang barang-barang tersebut betul-betul halal mengikut Islam.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Kementerian saya memang sedar akan adanya kedai-kedai yang menjual barang-barang makanan dengan tanda "Ditanggung Halal" samada di kedai atau di barang-barang itu sendiri. Untuk memastikan bahawa barang-barang itu betul-betul halal, maka pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian saya dengan kerjasama pegawai-pegawai Majlis Hal Ehwal Agama Islam di negeri masing-masing membuat pemeriksaan ke atas barang-barang yang mempunyai tanda "Ditanggung Halal" itu. Adalah juga menjadi tugas Majlis Hal Ehwal Agama Islam di negeri masing-masing untuk membuat pemeriksaan dan mengeluarkan sijil kepada pengilang-pengilang dan pekedai-pekedai sebagai kebenaran menggunakan perkataan "Halal" atas barang-barang keluaran mereka.

PENGAKUAN SAMAD ISMAIL DARI NEW STRAITS TIMES MENGENAI KOMINIS

13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa memandangkan pengakuan Samad Ismail, Pengarang Urusan, *The New Straits Times* mengenai kegiatan kominisnya, samada satu siasatan yang rapi dan teliti dibuat di tiap-tiap Jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan di firma-firma

swasta, dan sesiapa didapati bersubahat dengan kegiatan kominis, samada ia Menteri atau rakyat biasa, hendaklah ditangkap dan dihukum dengan beratnya. Jika tidak, mengapa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Saya rasa soalan ini sudah dilayani dalam soalan yang dibawa tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran.

CUEPACS—UGUTAN MOGOK

14. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa kegelisahan sosial di kalangan rakyat memuncak sekarang terutama pekerja-pekerja yang tak bergaji bahawa dengan terlaksananya Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali maka rakyat yang berpendapatan kecil akan lebih menderita disebabkan kenaikan harga barang-barang termasuk keperluan makanan untuk menampung perbelanjaan tambahan gaji kakitangan Kerajaan yang begitu besar atas ugutan mogok CUEPACS; jika ya, samada Kerajaan akan memenuhi tuntutan CUEPACS dan membiarkan penduduk luar bandar yang menjadi teras tulang belakang pemerintahan negara ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Kerajaan memang sedar tentang kegelisahan di kalangan rakyat kerana kemungkinan harga barang naik jika ada tambahan gaji bagi kakitangan Kerajaan. Sebab itu Kerajaan memeriksa dengan mendalam dan teliti tentang penglibatan wang jika mana-mana lapuran gaji hendak dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, kenaikan gaji tidak dapat dielak memandangkan bahawa ada kakitangan Kerajaan yang bergaji rendah yang menghadapi masalah kerana kenaikan harga barang dan lain-lain sebab. Apa yang Kerajaan cuba lakukan ialah pembentukan tanggagaji yang adil yang mengambil kira bukan sahaja kepentingan rakyat yang tak bergaji tetapi juga keluhan kakitangan Kerajaan terhadap masalah ketinggian sara hidup bagi mereka.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat tentu maklum, Kerajaan telah berusaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat melalui rundingan dengan CUEPACS. Melalui rundingan ini CUEPACS telah

menarik balik rancangannya untuk mengadakan mogok dan sekarang sanggup menerima langkah-langkah tertentu untuk menyelesaikan masalah gaji ini.

HAKMILIK MODAL SAHAM MELAYU

15. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa matlamat 30% penyertaan orang-orang Melayu dalam hakmilik modal saham dalam syarikat-syarikat berhad tidak akan tercapai dengan alasan bahawa :

Tahun		<i>Hakmilik Modal Saham Melayu/Syarikat Kepentingan Melayu</i>	
1970		2.4%	
1975	(anggaran)	7.8%	(hakmilik saham orang Melayu yang sebenar 2.3%)
1980		3.4%	(akhir Rancangan Malaysia Ketiga)
1990		7.4%	

Dalam tahun 1990 sejumlah 24.3% akan dimiliki oleh syarikat-syarikat kepentingan Melayu, seperti UDA, PERNAS, MARA, Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri, Bank Bumiputra dan lain-lain. Modal saham ini sebenarnya dipegang oleh rakyat Malaysia sebagai amanah, bukan kepunyaan orang Melayu. Adakah Kerajaan sedar bahawa dari tahun 1976-1990 orang-orang Melayu tidak akan dapat mencari wang sebanyak \$18.09 bilion (22.6%) untuk mencapai matlamat 30% penyertaan mereka dalam hakmilik saham dan ini hanyalah impian sahaja, dan samada Kerajaan akan mengarahkan pakar-pakar ekonomi, ahli-ahli akademik universiti, ahli-ahli profesyenal dalam dan luar Kerajaan untuk mencari jalan bagi mengatasi perkara ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Matlamat Kerajaan bagi menentukan penyertaan 30% oleh orang-orang Melayu dalam hakmilik saham adalah berdasarkan kepada perancangan dan jangkaan yang tertentu. Matlamat Kerajaan ialah untuk meninggi penyertaan bumiputra (perseorangan atau institusi) dan Badan-badan Kerajaan dalam hakmilik modal saham mengikut kadar yang ditetapkan di dalam Rancangan Jangka Panjang.

Untuk meninggikan lagi pemilikan saham oleh Bumiputra, Kerajaan telah memperuntukkan \$200 juta untuk dilaburkan dalam perusahaan-perusahaan tertentu dengan mem-

beli saham-saham yang dikhaskan kepada bumiputra. Dalam masa yang sama, agensi-agensi Kerajaan telah juga diberi peruntukan yang banyak supaya membuat pelaburan dan membeli saham-saham, mengadakan projek-projek usahasama ataupun dengan menubuhkan anak-anak syarikat masing-masing. Satu lagi usaha Kerajaan ialah untuk mengembelikan segala simpanan orang-orang Melayu supaya dapat dilaburkan melalui Institusi-institusi Pelaburan bagi menambahkan hasil pelaburan. Dengan adanya rancangan-rancangan dan projek-projek untuk meninggikan lagi pendapatan, lebih banyak lagi pendapatan Bumiputra dikembelikan. Walaupun sebahagian besar daripada saham dimiliki oleh Institusi Kerajaan, tidak juga kecil bilangan Bumiputra perseorangan yang melabur melalui Institusi-institusi pelaburan.

Kerajaan bercadang supaya saham-saham dan pelaburan yang dimiliki oleh agensi-agensi Kerajaan dijual melalui Institusi-institusi Bumiputra kepada pekerja-pekerja agensi-agensi tersebut dan Bumiputra perseorangan, apabila masanya bersesuaian. Satu Jawatankuasa mengenai pemindahan hakmilik telahpun dibentuk.

Buat masa ini, Kerajaan belum lagi mengarahkan pihak-pihak luar daripada Kerajaan untuk mengkaji perkara ini tetapi jika diperlukan bolehlah dipertimbangkan. Soai mengenai samada Kerajaan akan mengarahkan pakar-pakar ekonomi luar dari perkhidmatan Kerajaan untuk mencari jalan bagi mengatasi perkara ini adalah tidak timbul. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersedia menerima pandangan-pandangan dari mereka dan memberikan pertimbangan yang sewajarnya.

PERAK RIVER HYDRO ELECTRIC CO. LTD.

16. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan :

- (i) bila Kerajaan akan mengambil alih Perak River Hydro Electric Co. Ltd.;
- (ii) syarat-syarat pengambil alih itu;
- (iii) samada Kerajaan akan menjamin keselamatan pekerjaan lebih kurang 1,700 orang kakitangan dan pekerja yang sekarang ini bekerja dengan syarikat itu di Stesyen Kuala Malim Nawar dan Ulu Perak.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Sebagai menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Encik Ngan Siong Hing, saya harap mendapat keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk membuat kenyataan berikut mengenai pengambilan alih Perak River Hydro Electric Co. Ltd. oleh Kerajaan untuk maklumat Dewan yang mulia ini.

Saya suka memaklumkan bahawa Perak River Hydro telah ditubuhkan pada 1926 dan menjalankan operasinya di bawah "Concession Agreement" yang dibuat di antara Syarikat dengan Kerajaan Negeri Perak. Dengan perjanjian itu Perak River Hydro mempunyai hak untuk mengeluarkan, menyambung dan membahagikan kuasa letrik di kawasan-kawasan yang ditetapkan dalam Negeri Perak. Tempoh Pajakan atau "lease" yang diberikan selama 50 tahun akan tamat pada bulan Nov. 1976 dan Kerajaan Persekutuan telah menimbangkan cara-cara untuk mengambil alih Syarikat tersebut. Kerajaan telah mengambil keputusan untuk membeli saham-saham Perak River Hydro sebagai cara untuk mengambil alih Syarikat tersebut. Berikutan dengan keputusan itu Kerajaan melalui Syarikat Chenderoh Electricity (M) Sdn. Bhd. telah membeli saham-saham Perak River Hydro. Pada 7hb Mei, 1976 Kerajaan telah memiliki 52.3% saham kuasa mengundi (voting rights) Syarikat itu dan selepas itu telah membeli lagi saham-saham selaras dengan City Code on Take-over and Merger, London. Kerajaan juga telah membuat tawaran untuk mengambil alih semua saham-saham biasa dan istimewa yang belum dimiliki olehnya, dengan harga 450p bagi tiap-tiap saham biasa dan 100p bagi tiap-tiap saham istimewa. Pada masa sekarang Kerajaan telah mengambil alih lebih kurang 99% dari jumlah saham Syarikat. Adalah dijangka Kerajaan akan memiliki keseluruhan saham-saham Syarikat tersebut tidak lama lagi. Serentak dengan itu keseluruhan Lembaga Pengarah Syarikat itu telah disusun semula dimana seorang Wakil Kerajaan telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dan beberapa orang lain sebagai ahli. Saya suka memaklumkan bahawa langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengambil alih Syarikat ini telah menjimatkan perbelanjaan sebanyak lebih kurang \$120 juta.

Oleh kerana pengambilan alih Perak River Hydro itu ialah dengan cara membeli saham-saham Syarikat tersebut maka buat sementara Syarikat itu akan terus berjalan sebagai sebuah Syarikat Swasta. Walau bagaimanapun memang menjadi dasar Kerajaan supaya operasi dan kakitangan Perak River Hydro akan disatukan pada akhirnya dengan Lembaga Letrik Negara. Perkara ini sedang dikaji dan akan dilaksanakan apabila keadaan sesuai.

Berhubung dengan masaalah kakitangan dan pekerja-pekerja Syarikat tersebut saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan akan menjamin keselamatan pekerjaan kepada semua kakitangan dan pekerja-pekerja yang terlibat di dalam pengambilan alih tersebut dan kepentingan mereka akan sentiasa dijaga oleh Kerajaan. Buat sementara waktu ini mereka akan terus menikmati kemudahan-kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan mereka dengan Syarikat tersebut sehinggalah langkah-langkah yang sesuai mengenai perkara ini diselenggarakan nanti. Pendek kata masaalah berhubung dengan kakitangan dan pekerja-pekerja ini tidak timbul sama sekali dengan pengambilan alih Syarikat ini oleh Kerajaan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PANGGUNG DAN TEMPAT HIBURAN AWAM (WILAYAH PERSEKUTUAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan untuk mengawal panggung-panggung dan tempat-tempat hiburan awam dengan lebih baik; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1977 dan bagi memperuntukkan wang itu dan lain-lain wang sebagaimana yang telah dibenar dikeluarkan

untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERGIGIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.40 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama Akta Pergigian (Pindaan), 1976, bagi bacaan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Seksyen 41 Akta Pergigian, 1971 bagi seseorang penuntut pergigian atau pembedahan pergigian menjalankan, pada mengikuti kursus pengajiannya, apa-apa penyiasatan pergigian, pemeriksaan pergigian atau perawatan pergigian mengenai pesakit-pesakit dalam mana-mana institusi perubatan atau kesihatan yang diluluskan oleh Menteri jika penuntut itu berbuat demikian di bawah kawalan dan penyeliaan seseorang doktor gigi berdaftar yang memegang perakuan pengalaman tahunan semasa yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Pergigian 1971, Kerajaan masih belum mengadakan perbekalan undang-undang untuk mengesahkan bahawa penuntut-penuntut pergigian boleh menjalankan pemeriksaan, penyiasatan dan rawatan pergigian di hospital-hospital, klinik-klinik, pusat-pusat kesihatan dan sebagainya. Maka oleh yang demikian, adalah penting bagi Kerajaan untuk mengujudkan satu seksyen baru iaitu seksyen-kecil (3) untuk mengesahkan bahawa penuntut-penuntut pergigian boleh menjalankan pemeriksaan, penyiasatan dan rawatan pergigian kepada pesakit-pesakit di hospital-hospital, klinik-klinik, pusat-pusat kesihatan dan sebagainya dengan syarat mereka itu adalah dalam jagaan dan kawalan seorang pengamal pergigian yang telah daftarkan dan mempunyai perakuan amalan tahunan.

Seksyen-kecil 4 telah juga diadakan untuk memperbekalkan satu peruntukan undang-undang iaitu hospital, klinik, pusat kesihatan, atau institusi lain yang diluluskan

oleh Menteri di bawah seksyen-kecil (3), atau pemunya atau pemunya-pemunya, tidaklah bertanggung bagi apa-apa bencana, kerugian atau kerosakan dari jenis sivil yang berlaku kepada mana-mana pesakit atau orang lain semata-mata oleh sebab apa-apa penyiasatan pemeriksaan atau perawatan mengenai seorang pesakit di bawah seksyen-kecil (3) yang dijalankan oleh seseorang yang mengikuti sesuatu kursus pengajian pergigian atau pembedahan pergigian dalam sesuatu Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, dengan syarat bahawa tiada apa-apa juga pun yang terkandung dalam seksyen-kecil ini boleh ditafsirkan sebagai memberi kepada orang yang mengikuti kursus pengajian itu, atau kepada Universiti atau Kolej Universiti di mana orang itu sedang mengikuti kursus pengajian itu atau kepada mana-mana pegawai atau pekerja Universiti atau Kolej Universiti itu, apa-apa imuniti dari apa-apa tanggungan bagi bencana kerugian atau kerosakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama Akta Pergigian (Pindaan), 1976, bagi bacaan kali yang kedua dan diluluskan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.46 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri Kesihatan. Saya hendak menarik perhatian Menteri yang berkenaan atas kenyataan yang dibuat oleh Dentist yang berdaftar (the registered Dentist).

Seperti Menteri Kesihatan sedia maklum selepas Perang Dunia II ada ramai orang yang dulu menjadi tukang-tukang gigi sahaja. Mereka hendak menjadi Dental Surgeon dan oleh sebab ada kekurangan Dental Surgeon pada masa itu Kerajaan telah mendaftarkan mereka. Dan seperti Menteri Kesihatan juga sedia maklum, beberapa tahun dahulu Registered Dentist ini telah memohon atau membuat rayuan kepada Kementerian Kesihatan untuk membuka dan menambahkan registered namanya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian Menteri Kesihatan ini oleh sebab kalau kita membuka atau tambah registered orang yang tidak layak, yang tidak terlatih maka ini boleh jadi mendatangkan bahaya kepada si pesakit di tanahair kita. Tidak payahlah saya menjelaskan perkara ini kepada Menteri Kesihatan, beliau sendiri juga saya sedar, tahu kalau orang yang tidak layak dan tidak dilatih, tidak boleh menjadi doktor gigi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian Menteri yang berkenaan tentang Fakulti Pergigian di Universiti Malaya. Di sini ada 40 tempat, tetapi malangnya semua tempatnya tidak diisi atau tiap-tiap tahun tidak ada dipilih 40 calon untuk dilatih sebagai doktor gigi. Ini oleh sebab ada wakil daripada Menteri Kesihatan di dalam Majlis Universiti menyatakan bahawa kita di dalam perkhidmatan Kerajaan khususnya di bawah perkhidmatan Kementerian Kesihatan ada cukup bilangan doktor gigi di tanahair kita. Kementerian Kesihatan barangkali tidak kira bahawa Fakulti Pergigian dan juga Fakulti Perubatan ada melatih penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar bukan untuk perkhidmatan Kerajaan sahaja, tetapi untuk sektor swasta juga. Di dalam sektor swasta, kalau sekiranya ada kekurangan; saya kata ada kekurangan pada masa sekarang, maka unqualified Registered Dentist tentulah mahu membuat rayuan untuk membuka registered itu dan ditambahkan lagi nama di dalam register itu. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Kesihatan boleh mengarahkan wakilnya kepada Majlis Universiti Malaya supaya kita boleh melatih lebih 40 pelajar tiap-tiap tahun supaya kita boleh memenuhi kekurangan doktor gigi pada masa sekarang. Kalau kita tidak berbuat demikian, Tuan Yang di-Pertua, timbullah kekurangan doktor gigi dan oleh itu registered dentist di tanahair yang hendak membuka register-nya semula dan bertambahnya register orang yang tidak layak yang boleh dikatakan cuma tukang sahaja, tetapi tidak dilatih.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Kesihatan boleh mengkaji apa yang saya sebutkan tadi dengan teliti dan mengarahkan wakilnya dalam Majlis Universiti Malaya supaya kita boleh menggunakan semua tempat di dalam Fakulti Pergigian, Universiti Malaya.

3.52 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong suatu Akta yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang (Pindaan) ini akan membawa kebaikan ataupun menghalangkan sedikit daripada penyeksaan sakit gigi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya lanjutkan sedikit-sebanyak pendapat saya di sini, izinkanlah saya memberi pendapat tentang pesakit gigi. Di antara kita banyak yang sakit gigi dan banyak penyakit yang ada dalam badan kita kerana tiap-tiap satu penyakit itu membawa akibat keseluruh badan. Saya yakin dan percaya dan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua juga bersetuju dengan pendapat saya, tidak ada satu sakit di dalam badan, melainkan sakit gigi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jangan kaitkan saya. Sebutkan hal Yang Berhormat sahaja sudah.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya yakin bahawa Tuan Yang di-Pertua bersetuju, itu sahaja saya katakan. Saya yakin penyakit yang habis dahsyat di antara penyakit badan kita ialah penyakit gigi, sebab itulah biasa dikatakan oleh setengah orang kampung kadang-kadang sakit gigi ini bila dengar ayam berkokok ataupun dengar orang bercakap kita tidak suka dengar. Kalau kita sakit di tempat yang lain dengan tidak membawa akibat kepada keseluruh badan, tetapi sakit gigi ini kerana dia menjadi saluran masuk ke dalam perut yang bagi anggota makan kepada kita semua, sakit sedikitpun kadang-kadang membawa sakit yang amat sangat. Di atas timbangrasa Kementerian yang berkenaan untuk mengurangkan penyakit gigi dengan berbagai-bagai jalan, saya ucapkan tahniah dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, penyakit gigi ialah satu penyakit yang amat dahsyat dan patut diubati dan dicari jalan dengan bersungguh-sungguh. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang hendak membolehkan penuntut-penuntut menyasat dan sebagainya, saya amatlah menyokong, tetapi saya berharap biarlah dengan seberapa cermat yang boleh, kerana kadang-kadang dengan tindakan yang tidak

begitu cermat akan membawa pesakit itu terlampau sakit. Saya katakan begitu kerana orang yang sakit dengan orang yang memeriksa itu lain perbezaannya—bagi orang yang sakit menanggung perasaan lain, kadang-kadang orang yang memeriksa itu dia berasa dengan perasaan lain. Dengan sebab itu, saya merayu sebagaimana saya katakan tadi di samping membolehkan kita menasihati kepada pegawai-pegawai atau penuntut-penuntut yang berkenaan dengan seberapa cermat yang boleh.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati doktor pergigian masih kekurangan walaupun banyak Kerajaan menyediakan tetapi kalau dibandingkan, ada setengah-setengah tempat masih kekurangan lagi. Begitu juga jururawat-jururawat. Saya berpendapat bahawa patutlah ditambahkan jururawat-jururawat ini, khususnya di negeri saya, Perlis dan saya dapat tahu dari Pengarah Pergigian bahawa jururawat ini masih kurang walaupun klinik-klinik banyak dibuat di Perlis. Kata orang, kalau ada motokar, drivernya tidak ada, motokar itu tidak berjalan juga. Jadi, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan tolonglah iktikarkan jururawat dan atenden diperbanyakkan lagi.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh jururawat-jururawat yang agak ada kemampuan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jururawat ini kesah lain.

Tuan Shaari bin Jusoh: Jururawat Pergigian. Jadi bersangkutan dengan pergigian, kalau ada doktor sahaja tetapi tidak ada jururawat, tidak boleh buat juga. Jururawat Pergigian ada kaitan dengan pergigian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak ada berkaitan juga. Kalau mengikut Akta ini lain tujuannya. Akta ini membolehkan seseorang pelajar untuk mendapatkan latihan lagi di bawah penguasaan atau penyeliaan seorang doktor.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya tambah sedikit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat suka sangat perkara jururawat, tak apalah, saya benarkan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Jadi, saya berpendapat kepada jururawat-jururawat pergigian yang ada kemahiran ataupun ada keinginan untuk menambahkan lagi pengalaman dalam cara pergigian, patutlah juga diberi latihan khas walaupun tidak disamakan dengan doktor tetapi membolehkan jururawat-jururawat ini mengambil kursus yang khas untuk menambahkan lagi doktor pergigian.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, patutlah ditambah lagi kenderaan di tempat-tempat klinik pergigian yang kurang khasnya tempat saya di Perlis.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah mengalaminya. Kalau tidak kena orang yang membuka klinik gigi, maka akan membawa padah kepada siapa yang sakit gigi kerana sakit gigi ini sekali dicabut, akan membawa akibat 15 hari, baharu dia lega bengkaknya dan baharu boleh dicabut sekali lagi. Jadi, kenalah tanggung walaupun 15 hari. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan yang bersangkutan dengan pergigian supaya tiap-tiap seorang yang berhak membuka klinik patutlah disiasat dengan teliti walaupun klinik persendirian, biarlah doktor ataupun orang yang hendak membuka klinik itu betul-betul ada kemahiran, jangan terjadi apa yang terjadi kepada diri saya sendiri, sekali saya cabut gigi di Kuala Lumpur, mengakibatkan 15 hari, walaupun dia tak ambil satu sen tetapi amatlah dahsyat sekali.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu gigi mana?

Tuan Shaari bin Jusoh: Gigi saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ialah, tetapi gigi apa, kerana banyak namanya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Gigi gaham—gigi bawah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Gigi sulung, gigi bungsu.

Tuan Shaari bin Jusoh: Bukan gigi sulung, agak saya gigi bawah. Tetapi ini sebagai satu bukti, Tuan Yang di-Pertua. Yang saya kata, orang yang ada kepandaian dengan orang yang tidak ada kepandaian

lain. Selepas itu saya pergi kepada seorang doktor gigi yang mahir, dia cabut, saya agak berlainan sangat—90% daripada apa yang berlaku di klinik pergigian tadi. Saya fikir ada manusia lain yang terkena macam saya, Tuan Yang di-Pertua. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya tiap-tiap orang yang hendak membuka klinik khasnya klinik pergigian, siasatlah betul-betul supaya jangan pakai rangkum sahaja walaupun setengah-setengah orang ada kena tetapi tidak sakit sangat, bagi diri saya sendiri, rasa sangat sakit. Dengan sebab itu, sekali lagi saya menyokong atas Rang Undang-undang ini akan menambahkan lagi pakar-pakar pergigian, doktor-doktor pergigian, baik jururawat-jururawat ataupun penuntut-penuntut.

3.59 *ptg.*

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong suatu Akta bagi meminda Akta Pergigian, 1971 yang ada di hadapan Dewan sekarang. Saya cuma hendak bercakap sedikit sahaja untuk perhatian Kementerian yang berkenaan.

Sekarang rakyat di luar-luar bandar di negeri Sarawak sudah begitu sedar tentang perkhidmatan pergigian terutamanya murid-murid sekolah yang berdekatan dengan bandar dan pekan yang mendapat rawatan daripada jururawat pergigian yang tertentu. Saya fikir mereka itu telah mengikuti kursus pengajian baik di hospital atau di institusi-institusi di negara kita ini. Apa yang menjadi perhatian saya seperti di kawasan pilihanraya saya cuma murid-murid sekolah yang berhampiran dengan hospital dan pekan sahaja dapat menikmati perkhidmatan pergigian setakat ini. Oleh itu, saya yakin pihak Kementerian yang berkenaan dapat memperluaskan lagi perkhidmatan pergigian yang begitu penting kepada rakyat di luar-luar bandar di Negeri Sarawak bukan sahaja ke sekolah-sekolah bahkan juga ke kampung-kampung dan rumah-rumah panjang supaya semua rakyat dapat kemudahan perkhidmatan pergigian. Dan saya juga berharap Kementerian ini dapat mengambil lebih ramai lagi anak-anak muda yang berkelayakan di negara kita ini untuk mengikuti kursus untuk mendapat kelayakan sebagai pemeriksaan pergigian atau perawatan pergigian yang boleh bertanggungjawab bagi menampung kekurangannya perawatan atau jururawat pergigian

pada masa ini, lebih-lebih lagi bagi negeri Sarawak termasuk juga doktor pergigian yang mempunyai kelayakan yang sah di bidang yang bersangkutan dengan perubahan perbezaan di bidang pergigian ini.

Saya mengambil perhatian kepada orang-orang yang tertentu berjual ubat dan mencabut gigi seperti selalu terdapat di tepi-tepi jalan di negeri Sarawak supaya ubat-ubat atau perkhidmatan-perkhidmatan yang dibuat oleh orang seperti itu tidak bertanggungjawab kepada pesakit-pesakit yang dicabut gigi atau diberi ubat. Oleh itu saya minta Kementerian ini mengambil perhatian agar mereka yang seperti ini haruslah diperiksa supaya mereka itu mempunyai kelulusan atau kelayakan.

Sekali lagi saya berharap Kementerian ini akan dapat mengambil perhatian segera kepada orang-orang seperti ini.

4.01 *ptg.*

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan yang telah memberikan pandangan berkaitan dengan satu pindaan pergigian bagi tahun ini yang kita telah bahaskan. Tujuan pindaan ini telah dijelaskan dalam ucapan saya yang saya mohon mengemukakan rang pindaan tadi. Jadi saya tidak payahlah mengulangkan lagi apa yang disebutkan oleh saya tadi.

Berkaitan dengan soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, beliau telah menyoalkan adalah kekurangan doktor pergigian di negara kita serta juga Fakulti Pergigian, Universiti Malaya yang tempatnya ada 40 kerusi akan tetapi semua 40 kerusi itu tidak diisi penuhkan. Ini adalah barangkali salah faham daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, yang sebenarnya jika tidak silap saya 40 kerusi ini adalah semua diisikan pada tahun ini. Kita akan mendapat kelulusan 40 orang penuntut, akan tetapi 38 orang daripadanya telah mendapat kelulusan, 2 orang lagi terpaksa diulangkaji (repeat) sekali lagi. Jadi barangkali ini ada sedikit kesilapan. Kementerian Kesihatan adalah mengkaji berbagai-bagai jenis pegawai-pegawai yang perlu di bawah Kementerian Kesihatan seperti doktor pergigian dan pegawai-pegawai yang penting di Kementerian ini. Kita bukan sahaja mengkaji pada bilangan doktor-doktor pergigian yang

perlu pada hari ini akan tetapi kita adalah mengadakan satu rancangan sehingga tahun 1990. Ini telah dikaji oleh pegawai-pegawai yang berkenaan di bawah Kementerian saya serta saya sendiri dan saya percaya dengan satu kajian yang teliti ini maka kekurangan doktor pergigian pada masa yang akan datang ini akan dapat diatasi.

Fakulti Pergigian, Universiti Malaya pada masa yang akan datang, kita harap akan dapat mengeluarkan 40 orang doktor pergigian untuk berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan serta juga penuntut-penuntut yang sedang belajar bersendirian di seberang laut itu akan balik ke negara kita. Jadi bilangan doktor pergigian yang baru itu akan ditambah dari setahun ke setahun, sungguhpun demikian bilangan rakyat jelata kita juga akan bertambah. Saya percaya dengan tambahan ini, kekurangan doktor pergigian ini akan diatasi.

Berkaitan dengan unqualified doctor pergigian itu, yang sebenarnya ini ada satu dying force, dahulu sebagai perintis mereka itu belajar sahaja daripada ibu-bapa dan sebagainya. Oleh kerana kekurangan doktor pergigian di negara kita maka Kementerian ini membenarkan mereka itu to register themselves. Jadi boleh dipraktis tetapi selepas golongan ini tamat berkhidmat pada masa yang akan datang, satu golongan yang baru iaitu qualified doctor pergigian itu akan digantikan. Dengan itu juga Kementerian saya sedang menjalankan Fluoridation bekalan air di seluruh negara. Apa pengalaman yang didapati di bawah Kementerian ini yang kita mengadakan satu percubaan dijalankan pada tahun 1957 di beberapa tempat di Johor maka Fluoridation in water supply di negeri itu penyakit sakit gigi itu telah bertambah kurang. Dengan rancangan ini, saya percaya khasnya kanak-kanak kecil akan kurang mendapat penyakit gigi pada masa yang akan datang. Dengan itu saya percaya bekalan doktor pergigian di negeri kita ini akan mencukupi dengan rancangan latihan doktor pergigian sekarang. Dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu jangan berasa khuatir, kita mengadakan rancangannya dengan sepenuhnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar menyatakan beliau berharap jururawat pergigian akan bertambah. Yang sebenarnya kita akan menambah pengambilan penuntut jururawat pergigian di Pulau Pinang. Satu rancangan dalam Rancangan Malaysia Ketiga

ini pengambilan penuntut-penuntut jururawat pergigian ini akan bertambah dari 50 hingga 100 orang setahun. Tujuannya ialah untuk memperluaskan perkhidmatan pergigian, khasnya untuk kawasan luar bandar. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu akan bersetuju tambahan ini untuk kebaikan rakyat jelata kita pada masa yang akan datang dan saya harap bangunan sekolah ini akan siap disediakan lebih kurang dalam 2 atau 3 tahun lagi.

Berkaitan dengan cabut gigi itu barangkali Ahli Yang Berhormat tidak berapa bernasib baik oleh kerana kita sebagai manusia ada berbagai-bagai jenis gigi. Gigi ini kadangkala ada yang 3 umbi, ada yang 2 umbi, atau terus sahaja satu umbi. Jadi bila umbi gigi yang lebih itu dicabut, memanglah berasa sakit sedikit. Malangnya Ahli Yang Berhormat itu telah mendapat pengalaman sendiri dan saya boleh memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa kita akan mengadakan doktor pergigian yang mahir pada masa yang akan datang. Jika ada gigi yang 3 umbi dan juga 2 umbi giginya itu, bolehlah diperiksa dengan X-ray; selepas di X-ray, barulah mendapatkan satu operasi (operation) yang akan dijalankan oleh pegawai pergigian untuk mencabut gigi itu.

Yang Berhormat dari Mukah, memanglah tujuan Kementerian ini hendak menambahkan pegawai pergigian di Sarawak. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini kita akan pinjamkan (seconded) Doktor Pergigian daripada Semenanjung Malaysia ke negeri Sarawak serta Pembantu Jururawat Pergigian itu akan bertambah juga di negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan datang. Inilah jawapan yang ringkas oleh saya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENJENAYAH FUJITIF (EKSTRADISI KHAS)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.13 ptg.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon bahawa suatu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Ekstradisi 1958 dan Akta Penjenayah Fujitif Komanwel 1967 untuk mengadakan peruntukan bagi mengekstradisi penjenayah fujitif tertentu kepada sesuatu negara asing ataupun sesuatu negara Komanwel atas sesuatu arahan khas oleh Menteri, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua kali ini.

Dengan ringkasnya saya menerangkan bahawa tujuan Rang Undang-undang ini ialah meminda Ordinan Ekstradisi 1958 (Extradition Ordinance 1958) dan Akta Penjenayah Fujitif Komanwel 1967 (Commonwealth Fugitive Criminals Act 1967) untuk memasukkan ke dalam tiap-tiap undang-undang itu peruntukan tambahan supaya membolehkan seseorang yang dituduh ataupun yang telah disabitkan atas kesalahan yang boleh diekstradisi dan yang telah dilakukannya di dalam bidangkuasa negeri asing atau negeri Komanwel diekstradisikan ke negeri itu, ataupun apabila permintaan dibuat oleh negeri itu sekiranya yang bersalah itu ataupun yang disyaki ada di dalam Malaysia. Oleh yang demikian, sungguhpun dan sekiranya peraturan cara am bagi penyerahan saling mengenai penjenayah fujitif belum lagi ditandatangani dengan negeri-negeri itu, ataupun belum lagi berjalan kuatkuasanya di bawah peruntukan Ordinan ataupun Akta yang saya sebutkan tadi, maka dengan pindaan ini tindakan bagi mengekstradisikan yang tuduh itu atau yang bersalah itu bolehlah dibuat dengan negeri-negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga menyatakan iaitu sungguhpun pihak Kerajaan kita telah berikhtiar dan mengambil beberapa langkah untuk mengadakan satu perjanjian atau peraturan ekstradisi fujitif dengan negara-negara Komanwel atau negara-negara yang bukan Komanwel Kementerian saya telah menghadapi beberapa masalah yang rumit yang amat sukar untuk diselesaikan dengan negara-negara lain itu untuk mendapatkan persetujuan. Pada masa sekarang ini kita telah ada persetujuan dan peraturan dengan Kerajaan Indonesia dan Kerajaan Thailand dan juga dengan Kerajaan Singapura ada satu aturan khas yang mana kita ada membuat perjanjian ekstradisi. Dengan hal yang demikian, adalah menjadi satu galakan nampaknya atau kecenderongan pada orang-orang yang melakukan kesalahan jenayah di negeri-negeri yang berhampiran dengan Malaysia atau di negeri-negeri Komanwel yang belum ada membuat perjanjian ekstradisi dengan negara kita lari masuk ke Malaysia mencari sebagai tempat perlindungan kononnya kerana di negeri lain itu bukan mudah hendak menarik mereka keluar dengan sebab tidak ada perjanjian. Dengan sebab tiada perjanjian dengan negara-negara itu maka pihak yang berkuasa dan Kerajaan Malaysia tidak ada kuasa untuk menangkap mereka itu dan mengekstradisi atau menyerahkan ke negeri-negeri yang mereka itu melakukan jenayah. Kita tidak suka negara kita ini digunakan sebagai tempat perlindungan bagi penjenayah-penjenayah negeri lain dengan sebab kita belum lagi membuat perjanjian atau peraturan ekstradisi dengan negara-negara lain.

Tujuan pindaan-pindaan undang-undang ini adalah untuk membolehkan Kerajaan kita mengambil tindakan kepada mereka yang dituduh itu atau yang dikehendaki itu atau yang bersalah itu supaya dihantar pulang ke negeri masing-masing yang negeri-negeri itu memohon kepada negara kita untuk memulangkannya walaupun kita belum ada lagi peraturan reciprocal atau bantu membantu antara Malaysia dengan negeri-negeri yang lain itu. Kuasa Menteri untuk memulangkan orang yang dituduh atau yang bersalah itu atau yang dikehendaki itu pada negeri yang memohon adalah atas timbangan tilik Menteri yang bertanggungjawab yang penuh berkuasa. Menteri itu juga akan menjalankan kuasanya sekiranya beliau memikirkan adalah patut atau munasabah Menteri itu

menjalankan kuasa yang diberi oleh undang-undang yang kita akan luluskan ini. Adalah harapan kita bagi negeri-negeri yang lain mengadakan satu undang-undang yang kita buat di negeri kita ini ataupun segera berunding dengan Kerajaan Malaysia untuk membuat perjanjian atau peraturan ekstradisi antara Malaysia dengan negara-negara jiran atau negeri-negeri lain yang ada banyak berhubung dengan negara kita. Misalnya, tidak berapa bulan yang lalu ada juga Kerajaan Hongkong minta menghantar dua tiga orang yang melakukan kesalahan di Hongkong lari ke negeri kita, tetapi bagi pihak saya sebagai Kementerian yang bertanggungjawab tidak ada kuasa itu dengan sebab kita tidak ada perjanjian. Memandangkan keadaan yang seperti inilah saya membawakan pindaan undang-undang ini pada Dewan ini supaya dapat perkara ini kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.20 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Ordinan Ekstradisi Tahun 1958 ini kerana dengan penerangan yang diterangkan oleh Menteri yang berkenaan jelaslah pemerintah di Malaysia ini adalah jujur dan ikhlas dan ingin mengadakan hubungan yang baik dengan negara-negara yang lain sehinggalah kita sanggup meminda satu Akta iaitu memberi kuasa kepada Kerajaan kita menghantar balik kalau sekiranya penjenayah-penjenayah hendak mencari Malaysia ini sebagai pelindung walaupun penjenayah itu warganegara sebuah negara yang belum pun lagi membuat perjanjian dengan negara kita. Dalam usaha yang jujur ini saya berharap akan meninggikan imej negara kita di luar negeri.

Satu perkara yang penting inginlah saya menasihatkan kepada pihak Kerajaan Akta seperti ini eloklah juga dimasukkan di dalam kertas-kertas penerangan terutama sekali kepada penuntut-penuntut kita yang hendak ke luar negeri supaya mereka mengetahui keadaan negara kita, supaya mereka mengetahui undang-undang bahawa negara kita ini sungguh-sungguh tidak mahu rakyatnya

menjadi fujitif di negeri asing. Dan dengan ini juga kita berharap penuntut-penuntut kita yang ke luar negeri setelah mengetahui undang-undang negaranya sendiri akan dapat mengelakkan diri mereka daripada disalahgunakan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab waktu mereka berada di luar negeri.

Saya juga tertarik hati dengan penerangan Menteri yang berkenaan iaitu ada di antara negara-negara lain yang masih lagi belum mahu mengikat perjanjian mengenai ekstradisi ini, boleh jadi mereka itu belum memahami ataupun tidak mengetahui tujuan Kerajaan kita ataupun apakah hasrat Kerajaan kita yang sebenarnya. Dalam perkara ini sukalah saya meminta kepada pihak Kerajaan kita menggunakan jasa baik kedutaan-kedutaan dan ahli-ahli diplomat kita yang berada di luar negeri. Misalnya keputusan Parlimen mengenai Ekstradisi ini, Akta ini telah dipinda. Hendaklah juga kita minta kepada kedutaan-kedutaan kita di luar negeri mengadakan sebaran secara besar-besaran supaya dapat mempengaruhi Kerajaan negara-negara tersebut untuk mengikat perjanjian dengan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini juga amatlah penting diketahui oleh rakyat negara kita yang berada dalam negeri kita sendiri dan dengan itu saya mintalah kepada pihak Kerajaan menyebarkan undang-undang ini untuk pengetahuan umum supaya rakyat warganegara kita ini berwaspada sedikit kepada orang-orang luar yang datang ke dalam negara ini samada mereka itu datang di bawah nama pelancung ataupun sahabat-sahabat yang mereka kenal.

Setakat itulah dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas adanya Akta pindaan ini.

4.24 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

Saya tertarik kepada penerangan-penerangan yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan terutama berkenaan dengan adanya pada satu masa dahulu beberapa kejadian di mana mereka yang telah menjalankan kesalahan jenayah datang

ke negara ini dan kerana tidak ada perjanjian seumpama yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan maka dapat menggunakan negara ini sebagai satu tempat perlindungan mereka.

Kita sendiri sedar bahawa banyak di negara kita sendiri orang-orang yang telah diberi pangkat tinggi, terutama yang mempunyai kuasa yang begitu besar di bank-bank dan sebagainya, menyalahgunakan wang bank untuk kepentingan mereka sendiri; lari ke negara-negara yang lain dan hingga sekarang banyak di antara mereka yang masih tidak dapat kita ambil tindakan sebab berlindung di negara lain. Apa yang saya suka tekankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, agar dapat pihak Kerajaan memikirkan supaya kuatkuasa bagi undang-undang ini dapat dijalankan bukan daripada tarikh telah diluluskan oleh Dewan Negara tetapi daripada Hari Malaysia supaya jikalau benar ada mereka yang berlindung di sini dapatlah orang itu kita hantar balik ke negeri dia, dengan kuatkuasa itu bukan daripada tarikh diluluskan oleh Dewan Negara. Begitu juga dapat kita menggunakan kuatkuasa Rang Undang-undang ini, apabila sudah luluskan kelak, untuk mengambil balik orang-orang yang telah lari sebagaimana yang saya katakan tadi yang telah menyalahgunakan kedudukan mereka supaya diadili dan dihukum.

Sekianlah sahaja teguran saya. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah begitu menitikberatkan perkara ini.

4.27 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong pindaan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara. Saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini akan mengurangkan sedikit atau seboleh-bolehnya mengurangkan perbuatan jenayah yang masih berlaku dalam negara kita baik di negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini pada pendapat saya amatlah baik dan sepatutnya kalau boleh Rang Undang-undang ini dikemukakan sudah lama dahulu. Kita telah mengadakan pakatan dengan negara-negara lain dalam Komanwel seperti ASEAN dan sebagainya. Saya berpendapat tujuan kita adakan pakatan-pakatan ini

pertama akan meninggikan ekonomi bersama biarpun negara mana termasuk negara kita dan kedua akan menghapuskan penjenayah untuk kepentingan bersama. Itulah tujuan kita mengadakan pakatan-pakatan sebagaimana yang telah diadakan. Kalaupun pakatan-pakatan yang telah diadakan baikpun dengan negara-negara Komanwel ataupun ASEAN perkara menghapuskan jenayah ini tidak boleh ada pakatan bersama. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak kata Komanwel dan ASEAN tidak ada guna amatlah pelek. Tetapi saya tegaskan sekali lagi tujuan pakatan-pakatan ini ada banyak segi meninggikan ekonomi, mengadakan perpaduan bersama dan tujuan yang besar menghapuskan penjenayah. Kalau perkara ini tidak boleh dipakatkan bersama saya amat dukacita. Dengan sebab itu, Rang Undang-undang ini saya katakan amat perlu dan amatlah baik. Sebab saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, terutama negeri yang berjiran dengan negeri lain seperti Perlis, kadang-kadang siapa yang membuat jenayah di Siam mudah lari ke Perlis kerana dekat. Mereka yang buat di Malaysia iaitu di Perlis mudah lari di Siam. Bukan perkara jenayah sahaja bahkan perkara-perkara lain seperti nikah-kahwin, kadang-kadang tak boleh nikah di Malaysia pergi menikah di Siam, boleh bernikah juga. Jadi saya berpendapat selain daripada penjenayah, perkara lain juga kita patut pakat bersama. Orang-orang yang salah mesti dihukum salah walau di mana sekalipun. Kalau salah di sini lari ke sana lepas, salah di sana lari di sini lepas, dunia ini tidak aman, Tuan Yang di-Pertua. Tak guna ada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan sebagainya, ini pendapat saya. Dengan sebab itu, Rang Undang-undang ini amat sesuai dan amatlah patut sebagaimana yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

Saya juga berpendapat kalau baik semua kata baik. Manusia ini semacam walau agama apa sekalipun. Saya agak komimis sahaja yang tidak percaya Tuhan harus tak mahu perkara yang baik, itu agak saya. Tetapi tentang manusia lain walau dia agama Buddha, Christian, apatah lagi agama Islam semuanya hendak yang baik, yang jahat semua mengatakan jahat. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan hendaklah bermuafakat bersama selain daripada kita bermuafakat meninggikan ekonomi untuk mengadakan satu undang-undang yang khas menghukum

penjenayah ini dengan hukuman yang seberat-berat baik negara mana sekalipun. Apatah lagi penjenayah di Malaysia ini hendaklah kita hukum dengan seberat-beratnya kerana kita tahu penjenayah ini masa bicara mengambil berbagai-bagai lawyer, saya tidak kata lawyer tidak baik, itu dia mengikut undang-undang, kita luluskan undang-undang, kerana ada seksyen-seksyen yang membolehkan. Kadang-kadang yang kita sedih iaitu membuat kesalahan menyamun, merompak itu dan ini apabila dibicara kena hukum denda 14 tahun kadang-kadang 10 tahun, macam saya dengar Menteri Undang-undang menjawab masa soal-jawab tadi habis tinggi dia kata 14 tahun, rotan tidak kurang daripada 6. Jadi, kepada penjenayah ini setakat 14 tahun tidak lama, Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat hukuman patut diberi dengan seberat-beratnya kepada penjenayah dan bicara pula jangan ditangguhkan lama-lama walaupun kita tahu kita kekurangan Hakim, kerana ini merosakkan negara. Walau bagaimanapun kita kaya, walau bagaimana kita banyak wang kalau negara kita tidak aman kita hidup tentu tidak sempurna. Punca yang tidak mengamankan negara itulah penjenayah, perompak baik cara merompak ataupun cara menghisap dadah dan sebagainya yang kita kata amat bahaya hari ini. Ini patut kita ambil berat sungguh-sungguh. Selain daripada kita hendak meninggikan taraf ekonomi dengan membuat rancangan berbagai-bagai rancangan, ini adalah satu perkara yang penting yang patut diambil berat.

Dengan sebab itu, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya berharaplah dengan Rang Undang-undang ini kita berpakat dengan negara-negara lain seperti negara-negara Asean, Commonwealth walau mana sekalipun. Kalau negara-negara yang tidak mahu berpakat hendak menghapuskan jenayah, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tuduh jahat, tetapi saya pelek. Jadi kalau dia tidak mahu menghapuskan jenayah, tidak mahu menghapuskan penjahat saya tidak tuduh dia jahat, tetapi ini amatlah pelek. Jadi biarlah kita berpakat dan saya yakin negara-negara lain juga ingin membuat kebaikan atau ingin menghapuskan penjenayah, semua manusia ingin hidup aman. Saya yakin mereka ini akan bersetuju dengan pendapat negara kita dengan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

4.33 *ptg.*

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan atas Rang Undang-undang yang saya cadang dan bawakan ke Dewan ini.

Yang Berhormat dari Setapak telah memberi banyak teguran atas cadangan yang saya nampak amat membina dan berguna dan saya ambil ingatan akan melaksanakannya. Betul juga kata beliau itu kalau kita sahaja membuat Undang-undang yang menolong mereka itu memulangkan penjenayah-penjenayah dari negeri lain, memulangkan ke negeri dia, dan mereka masing-masing tidak ada sedikitpun kecenderungan membuat Undang-undang seperti itu dan orang-orang yang membuat jenayah kepada negeri kita pergi ke negeri dia, tetapi kita hendak memohon tidak dapat, maka tidak patutlah saya melaksanakan segala-gala kehendaknya itu, sebab saya kata di sini adalah Undang-undang ini membolehkan Menteri yang bertanggungjawab iaitu saya sendiri akan memikirkan mana yang menasabah. Tetapi kalau lepas sekali dua kita tolong mereka itu memulangkan jenayah yang dikehendaki itu lepas itu nampaknya dia tidak ada juga menolong kita dan membuat undang-undang, saya tidak akan mengambil tindakan dan tidak akan menolong negeri yang seperti itu.

Sebetulnya Kementerian saya sekarang sedang membuat keputusan dan juga membuat perbincangan dengan negeri-negeri yang lain, misalnya, Australia, United Kingdom, Filipina dan India negeri yang selalu dan banyak perhubungan dengan negara kita, supaya kita anjurkan satu peraturan ekstradisi dengan negeri kita. Malangnya kesusahan itu malu saya hendak bercakap di sini banyak sebab-sebab yang rumit, bukan semua jenayah yang boleh diekstradisi, ada list-listnya. Satu daripada prinsip (principle) jenayah itu ialah kesalahan itu salah di kedua-dua negeri dan boleh dihukum dalam kedua-dua negeri, iaitu kesalahan itu kesalahan negeri kita dan juga satu kesalahan di negeri United Kingdom. Tetapi ada undang-undang yang salah di negeri kita, dahulu salah negeri dia, tetapi telah dihalalkan sekarang. List itu hendak dipinda dari semasa ke semasa. Misalnya, sodomy kita di sini hukumannya penjara tujuh tahun. Sekarang ini di United Kingdom dan di negeri lain telah dihalalkan dan sudah

tidak salah pula. Kalau orang kita buat kesalahan di sini lari ke sana tidak boleh ditangkap kerana tidak ada ekstradisi. Undang-undang itu hendak dikeluarkan pula.

Yang keduanya, misalnya "murder" ataupun pembunuhan. Di England orang yang didapati salah membunuh orang dia sudah tidak ada lagi hukuman mati atau hukuman gantung. Maka dia berkehendakkan kalau kita membuat perjanjian dengan United Kingdom berjanji orang yang aku pulangkan kepada negeri engkau ini walaupun membunuh di sini, misalnya, Perdana Menteri kita atau Menteri, orang-orang besar kita atau Raja kita kalau dipulangkan hendaklah ada jaminan orang ini jangan digantung. Bagaimanapun bila satu negeri luar yang hendak control undang-undang negeri ini, maka satu lagi masaalah yang akan timbul. Adakah hendak dikeluarkan iaitu jenayah murder itu dikeluarkan daripada list ekstradisi itu, inilah perkara-perkara yang rumit yang saya misalkan akan timbul. Kelambatan ini akan diselesaikan tetapi memandangkan lambatnya penyelesaian perkara itu saya bawa Undang-undang yang ada ini.

Soal Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang minta back-dated perkara ini, ada disebut kalau tidak salah, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 4 menyatakan: "Pindaan-pindaan oleh Akta ini kepada Ordinan dan Akta ibu hendaklah dipakai walaupun kesalahan yang berkenaan dengan ekstradisi penjenayah fugitif dibuat telah dilakukan sebelum mula kuatkuasanya Akta ini, atau bahawa permintaan bagi mengekstradisi penjenayah fugitif telah dibuat atau diterima sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini." Kehendak Yang Berhormat itu boleh dijalankan kalau ada fugitif-fugitif yang ada berselindung dalam negeri kita.

Yang Berhormat daripada Kangar menyokong juga nampaknya dan juga menyentuh perkara-perkara yang kurang nampaknya tepat bersangkutan dengan Undang-undang ini. Yang Berhormat memang selalu hendak mengaitkan perkara yang sedikitpun dimasukkan juga, tetapi saya terangkan juga kelambatan perbicaraan kes-kes yang besar-besar itu telah saya terangkan dalam akhbar dan tidak berapa hari lagi ada soalan-soalan yang saya akan jawab dan memberi penerangan yang sepenuhnya di dalam Dewan ini. Tentang hukuman itu kita telah meluluskan satu Undang-undang siapa pemilik senjata

hukumannya hingga 14 tahun dan tidak kurang daripada 6 rotan sebat. Di bawah Undang-undang macam itu tidaklah boleh kita minta Tuan Hakim menjatuhkan hukuman gantung, melainkan penjenayah menggunakan senjata. Tetapi dengan sebab negeri kita sekarang ini dalam keadaan dharurat, saya telah membuat tuduhan kepada, rasa saya, kalau tidak salah 15 kes sekarang di mana orang yang ada mempunyai senjata itu dituduh di bawah ISA (Internal Security Act) atau Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri yang mana membawa hukuman gantung, iaitu menyimpan sebutir peluru atau mana-mana senjata hukuman-nya ialah satu sahaja, iaitu digantung. Masa ini banyak kes itu tetapi belum satupun dibicarakan dan saya akan menyatakan sebab-sebab kelambatan perbicaraan kes-kes yang membawa kepada hukuman gantung. Saya sedar Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat jelata sudah berasa bosan. Rang Undang-undang telah diluluskan, tetapi ramai lagi yang telah ditangkap oleh pihak Polis, samada pengedar dadah, yang melakukan jenayah, membunuh, membawa pistol, senjata dan sebagainya walaupun telah ditangkap setahun, dua tahun hingga sekarang baharu seorang dihukum gantung. Kalau lambat dibicarakan tidak menakutkan orang-orang menjalankan jenayah. Perkara ini saya sedang ambil tindakan dan telah bermesyuarat dengan Perdana Menteri dan juga Hakim Besar Malaysia kita mencarikan jalan-jalan supaya memperlekasakan kes-kes yang belum dibicarakan dalam tiap-tiap negeri.

Itulah sahaja yang saya dapat terangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, dan had itulah yang saya dapat jawabkan mengenai apa-apa pertanyaan yang timbul dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Dewan sebagai Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oleh sebab Urusan Mesyuarat pada hari ini telah selesai, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Selasa, 26hb Oktober, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.43 petang.